

29/05/2001

Cadangan ambil alih akhbar urusan perniagaan

RAWANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, cadangan pengambilalihan Nanyang Press oleh syarikat pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn Bhd, adalah urusan perniagaan, bukan bersifat politik.

Justeru, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menyokong atau menghalang cadangan pengambilalihan syarikat itu oleh mana-mana pihak.

"Tidak benar, tidak benar sama sekali. Nanyang adalah syarikat akhbar dan sesiapa pun boleh mengambilalihnya," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan monorel pertama buatan Malaysia di kilang Monorail Malaysia Technology (MMT), di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas sama ada cadangan Huaren Holdings membeli Nanyang Press yang menerbitkan akhbar berbahasa Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press, adalah bermotifkan politik.

Mengenai laporan akhbar bahawa sekurang-kurangnya sembilan eksekutif tertinggi termasuk Ketua Pengarang kedua-dua akhbar itu dinasihatkan supaya melepaskan jawatan sebelum minggu depan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengenainya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang turut hadir pada sidang akhbar itu berkata, Huaren akan meneruskan cadangan pengambilalihan itu jika ia berdaya maju.

"Jika ia suatu urusan niaga yang baik, mereka akan teruskan," kata Dr Ling yang juga Presiden MCA.

Ditanya bantahan pihak tertentu mengenai cadangan itu, beliau berkata, wujud laporan yang bercanggah.

"Yang mana satu yang anda mahu percaya," soal beliau.

(END)